

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]

SOALAN :

Datuk Rosman bin Isli (Labuan) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedar akan keperluan terminal kargo udara di Labuan ketika ini seperti yang diperakui oleh Kementerian Pengangkutan. Jika ya, bila akan dilaksanakan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang cadangan projek pembangunan yang dikemukakan kepada Kerajaan memerlukan kajian dan penelitian terlebih dahulu supaya pelaksanaannya mencapai impak positif kepada negara dan rakyat. Dalam hal cadangan pembinaan terminal kargo udara di Labuan, dimaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan belum memperakui cadangan tersebut. Justeru, Perbadanan Labuan boleh mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pengangkutan untuk kajian lanjut terutama berhubung dengan keperluannya. Unit Perancang Ekonomi pula tiada halangan untuk mempertimbangkan dengan sewajarnya cadangan pembinaan terminal kargo udara di Labuan berdasarkan kepada hasil kajian tersebut kelak.

Sekian, terima kasih.